

Buletin MDK



www.mdkerian.gov.my



MENARIK DI DALAM



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
JASAMU DIKENANG 2019/2020



PERJUMPAAN YB SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI BERSAMA
PENJAWAT AWAM KERIAN



PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN



Perutusan YANG DIPERTUA

SIDANG RIDAKSI

PENASIHAT :

PN. NORHAFISAH BINTI MOHAMAD

KETUA EDITOR :

EN. AZIZUL NAZLI BIN HJ. ABD HADI

EN. MOHAMAD SADDAM BIN JAMALUDDIN

EDITOR :

PN. NORAZIAH BINTI ZAINOL ABIDIN

PN. ROHAIMA BINTI ABDUL RASHID

PN. DARWINA ASHIKIN BINTI DAUD

EN. SHEIKH HALIM BINTI SAMSUDIN

PN. ANITA BINTI OMAR

PN. NORMEZURA BINTI MEHAT

PN. NOORSHEZAN BINTI SA'ADAN

PN. SOLEHAH BINTI SAAD

PN. ZATIL ISMAH BINTI KHIRUNNASHAT

CIK. NOR SHAHIDA BINTI NAWAYI@NAWAWI

CIK NOR AFIQAH NAJIHAH BINTI AYOP

JURUGAMBAR :

EN. ROSMIZAN BIN OSMAN

ISI KANDUNGAN

3 PROGRAM PENGURUSAN PASUKAN
KURSUS ASAS PENGURUSAN REKOD

4 ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, JASAHU DIXENANG
DAN PERJUJUNG BULAHAN MAJLIS DIERAH KERIAN

SEMASAI PEMERINTAHAN PERKHIDMATAN CEMERLANG
2019/2020

5 LAWATAN DAN PERJUJUNGAN TB SETIAHADA KERJANAH
HLGEN PERAK UNTUK 100ZHM BERSAMA PERJUJUNG
KAWAH KERIAN

PERTEMUAN EDISI JAWATANKUASA PERWAKILAN
PENDUDUK

PROGRAM "TEACH IN" PERTANDINGAN BANDAR MAJLIS
DAERAH KERIAN KELUARKAH JABATAN PERTAHANAN
DAERAH KERIAN

PROGRAM TEMPAT KERJA BEBAS DADMI SEKTOR AWAM

TAKLIMAT PELAN ANTI RADANG ORGANISASI

7 PEMANTAUAN DAN PENGHAKIMAN MEMERANCANG
COVID-19
TERIMA KASIH SEMUA FRONTLINERS ANDA ADALAH
KIRA KAMI

8 LAWATAN PENGURUSAN JAWATANKUASA PERUMAHAN,
KEJAYAAN TEMPATAN, PENGANGKUTAN AWAM DAN
Pelancongan

9 FRUIT, FLOWER & FOOD FESTA @ FAMA FEST 2020
DAERAH KERIAN

10 PROGRAM TURUN PADANG KAWASAN BARU DI BAGAN SERAI
PROGRAM TURUN PADANG TAPIK PASAR HARI
DI PASAR AWAM BAGAN SERAI

11 PELEHAKIAN AHLI MAJLIS DAERAH KERIAN RAGI TEMPIDI
1 MEDI 2020 HINGGA 28 APRIL 2021

MEYUVARAT PERHIMPUNAN MAJLIS DAERAH KERIAN
DALAM TEMPOH PERIYAH KAWALAN PERSEKUTUAN PELULAH

12 TURUN PADANG TB MEISTER PERUMAHAN
DAN KEJAYAAN TEMPATAN DI BAGAN KERIAN

TURUN PADANG KUMPULAN LAMA JKR KUALA KURAU

13 EXECUTIVE TALK DAN AMANAT TAHUN BARU 2020

YAD MULIAH BESAR PERA

PROGRAM TURUN PADANG YB HASSNUZ, ZULKARNAIN ABDUL MUNAIM

14 LAWATAN PENANDARASAN

LAWATAN KETUA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

15 KLUJAHAN BADMINTON DALAMAN NSE

KEJAYAAN SEPAK TAKRAW TERTUTUP NSE

PERTANDINGAN BOLA JARING TERTUTUP MOKERAN

Assalamulaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan inayah dan kurnia-Nya buletin Majlis Daerah Kerian (MDK) edisi pertama 2020 berjaya diterbitkan. Ini adalah merupakan hasil kerjasama dan semangat serta komitmen yang tinggi sidang redaksi majlis untuk menerbitkan edisi kali ini. Paparan dalam buletin ini menjurus kepada semua aktiviti yang telah berlangsung pada awal tahun hingga pertengahan tahun 2020.

Saya mengucapkan tahniah kepada barisan Ahli Majlis yang baharu dilantik selaras dengan peruntukan seksyen 10 dan 11 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Semoga barisan ahli majlis yang baharu ini dapat memberikan sumbangan yang besar dalam memajukan daerah Kerian.

Pandemik COVID-19 telah disahkan merebak di Malaysia pada 25 Januari 2020. Berikutan peningkatan kes pada Mac, Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan kebimbangan baginda terhadap kes positif yang mendadak. Langkah selanjutnya kemudianya diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia untuk mengatasi penyebaran virus ini di dalam negara melalui siaran langsung pada 13 Mac 2020. Barisan anggota MDK tidak terkecuali membantu pihak kerajaan dalam menangani masalah pandemik ini. Malah mereka bertugas siang dan malam bagi memastikan semua SOP dari Majlis Keselamatan Negara dipatuhi di seluruh daerah Kerian. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada semua anggota yang terlibat.

Setelah beberapa kes penularan dapat dikurangkan dan kita kini berada di dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, MDK telah mendapat satu amanat yang meminta semua Pihak Berkusa Tempatan (PBT) menguatkan usaha dalam bidang pelancongan daerah. MDK merima peruntukan daripada kerajaan Persekutuan dan negeri bagi menyediakan destinasi pelancongan dan kemudahan awam kepada penduduk daerah Kerian. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Yang Berhormat Dato' Nolee Ashilin Mohammed Radzi atas sumbangan peruntukan bagi merancakkan lagi ekonomi daerah Kerian.

Saya mengharapkan pada tahun 2020 ini, ekonomi pelancongan di daerah ini dapat dirancakkan walaupun kita masih berdepan dengan isu pandemik Covid-19 yang masih menular. Justeru, kerjasama semua pihak diperingkat pengurusan tertinggi, pengurusan daerah, anggota kerja mahupun masyarakat setempat amatlah diharapkan. Semoga Majlis Daerah Kerian kekal menjadi sebuah Pihak Berkusa Tempatan yang terbaik demi negara dan daerah tercinta.

Sekian, terima kasih.

Helmi bin Yusof@Jusoh
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN

10 Januari - Majlis Daerah Kerian telah mengadakan satu program pengukuhan pasukan selama dua hari bertempat di Selama Inn @ Rumah Rehat. Program ini telah membincangkan berkaitan kerja dan penugasan sepanjang tempoh tahun 2020. Penglibatan semua jabatan bersama anggota kerja majlis telah menyiapkan satu garis panduan pelaksanaan kerja dan perancangan bagi daerah Kerian. Urusetia program juga mengaturkan aktiviti outdoor bagi mengerakkan lagi hubungan dan kerjasama semua anggota kerja yang terlibat.



KURSUS ASAS PENGURUSAN REKOD

15 dan 16 Februari - Kursus Asas Pengurusan Rekod telah diadakan di Bilik Alamanda, Majlis Daerah Kerian bagi memberi panduan cara menguruskan rekod, menyimpan rekod dan membuat pelupusan rekod. Encik Saifurnizam bin Ya'akob, Pegawai Tadbir daripada Arkib Negara Malaysia Cawangan Perak telah dijemput sebagai penceramah dan pihak pengurusan berharap setelah berakhirnya kursus ini semua anggota kerja MDK dapat memahami tatacara pengurusan rekod yang betul di MDK.



**MDK**

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, JASAMU DIKENANG DAN PERJUMPAAN BULANAN MAJLIS DAERAH KERIAN



28 Februari - Majlis Daerah Kerian telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Jasamu Dikenang dan Perjumpaan Bulanan bil. 2/2020 di Dewan Kerian Permai, Parit Buntar. Majlis ini dirasmikan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis, Tuan Helmi Bin Yusof @ Jusoh. Turut hadir sama majlis ini Setiausaha Majlis, Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan semua anggota kerja majlis. Majlis ini diadakan bagi penerima anugerah dan meraikan para pesara Majlis Daerah Kerian. Seramai 17 orang penerima Anugerah terpuji dan 17 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang menerima penghargaan dalam majlis ini. Syabas dah tahniah diucapkan kepada penerima.

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019/2020

BIL.	NAMA	JAWATAN
1	NORAZILA BINTI MAHAT	PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
2	ROHAYU BINTI MOHD SHABLI	PEMBANTU TADBIR
3	NOREEN SABRIENA BINTI ABDUL AZIZ	PEMBANTU TADBIR
4	NOORSHEZAN BINTI SA'ADAN	PEMBANTU PENILAIAN
5	MUHAMMAD FAIZAL BIN MAT NUN	PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN
6	NORSHAHIDA BINTI NAWAYI@NAWAWI	PEMBANTU TADBIR
7	ZULHAIRIE BIN ZAINAL ABIDIN	PEMBANTU TADBIR

8	NOR AZMAN BIN DAHAMAT	PEMANDU KENDERAAN
9	ROSLI BIN HAMID	PEMBANTU AWAM
10	MAT SAMAN BIN YAHYA	PEMBANTU AWAM
11	SHAHIDDAN BIN SHAMSUDIN	PEMBANTU AWAM
12	ZULKIFLI BIN MD DESA	PEMANDU KENDERAAN
13	AHMAD SYAZWAN BIN AHMAD MOKTAR	PEMBANTU AWAM
14	MOHD AZROL BIN ABU BAKAR	PEMANDU KENDERAAN
15	NUR ASYRAF BIN TUKIRAN	PEMBANTU AWAM
16	MOHD HALIB BIN AMAN SHAH	PEMBANTU AWAM
17	IDRIS BIN JALIL	PEMBANTU PEMBANTU TADIR RENDAH

LAWATAN DAN PERJUMPAAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN BERSAMA PENJAWAT AWAM DAERAH KERIAN

Lawatan dan perjumpaan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim bersama penjawat awam Daerah Kerian telah berlangsung pada 20 Februari 2020 bertempat di Dewan Kerian Permai, Parit Buntar. Perjumpaan bersama penjawat awam daerah Kerian ini diadakan untuk menyampaikan amanat tahun baru seperti yang telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Perak di Ipoh pada Januari lalu. Pengurusan tertinggi daerah, ketua-ketua jabatan dan anggota kerja perkhidmatan awam daerah telah hadir ke program ini. Beliau kemudian bergerak ke Dennistown bagi melihat dan memantau tapak projek pembangunan pentadbiran berpusat.



PENYERAHAN KIOS JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK



3 Februari - Majlis penyerahan Kios Jawatankuasa Perwakilan Penduduk di Taman Serai Jaya daripada Majlis Daerah Kerian kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Bagan Serai telah disempurnakan oleh Tuan Helmi Bin Yusof@Jusoh Yang Dipertua Majlis kepada Penolong Kanan Penguasa Bomba Haji Abdul Nasir Bin Haji Jalil Ketua Balai Bomba Bagan Serai.



MDK

PROGAM "TEACH IN" PERTANIAN BANDAR MAJLIS DAERAH KERIAN KERJASAMA JABATAN PERTANIAN DAERAH KERIAN



Tenaga Pengajar

: 1. Muhammad Zul Izlan Bin Zulkifli

2. Nurmawardi Bin Ahmad Zamil

: 26 Februari 2020

: Jabatan Pertanian Daerah Kerian

: Anggota Kerja Majlis Daerah Kerian

Tarikh Agensi

Peserta

Penceramah	: Encik Basri Bin Nordin
Tarikh	: 20 Februari 2020
Agensi	: Unit Pencegahan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Kerian
Peserta	: Anggota Kerja Majlis Daerah Kerian



TAKLIMAT PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI



Penceramah

: Encik Basri Bin Nordin

: 20 Februari 2020

: Unit Pencegahan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Kerian

: Anggota Kerja Majlis Daerah Kerian

Tarikh

Agensi

Peserta

PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN MEMERANGI COVID-19



TERIMA KASIH SEMUA
FRONTLINERS
ANDA ADALAH WIRA KAMI

LAWATAN PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN, PENGANGKUTAN AWAM DAN PELANCONGAN

27 Jun – YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohd Radzi, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Pelancongan telah mengadakan lawatan kerja ke kawasan Ban Pecah, Tanjung Piandang bagi melihat dan memantau cadangan pembangunan dan pemajuan kawasan berkenaan sebagai salah satu mercu pelancongan di daerah Kerian. Lawatan kerja tersebut turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi Perak, Encik Kumaresan a/l Lingam, Pengarah MOTAC Perak, Encik Asrul bin Zakaria, CEO Tourism Perak, Cik Nurmalis binti Musa, Penghulu Mukim, Encik Azhar bin Jamaluddin, Pengurus MPPK Kg Nelayan dan Ahli-ahli Majlis MDK.

Taklimat Cadangan Pembangunan Dataran Ban Pecah telah disampaikan oleh Yang Dipertua MDK, Tuan Helmi bin Yusof@Jusoh kepada YB. Exco. YDP MDK memaklumkan kerja-kerja naik taraf Dataran Ban Pecah ini melibatkan pembinaan dataran terbuka berbumbung, tandas awam, wakaf, gerai-gerai penjaja, tempat meletak kenderaan dan depoh sampah. Pembangunan ini sangat penting kerana kawasan berkenaan telah menjadi tumpuan orang ramai sejak kebelakangan ini dan jumlah peniaga juga telah meningkat dari tahun sebelumnya.

YB Exco juga turut dibawa melawat ke lokasi produk pelancongan yang berhampiran dengan kawasan Ban Pecah. Semasa akhir lawatan kerja YB Exco ke daerah Kerian, beliau telah mengumumkan kelulusan peruntukan kepada Majlis Daerah Kerian (MDK) bagi kerja-kerja naik taraf Ban Pecah.

Ban pecah sememangnya terkenal sebagai salah satu destinasi popular kepada kaki pancing dan lokasi menarik rakaman jurugambar kerana pemandangan laut yang sangat cantik terutamanya waktu matahari terbenam serta pemandangan sawah padi. Pantai unik ini telah menerima ramai pengunjung untuk beriadah terutamanya pada hari minggu dan dijangkakan wajah baru tempat ini akan merancakkan lagi sektor pelancongan domestik dan ekonomi penduduk setempat.



FRUIT, FLOWER & FOOD FIESTA @ FAMA FEST 2020 DAERAH KERIAN

27 Feb - Program Fruit, Flower & Food Fiesta 2020 atau FAMA Fest 2020 membuka tirainya hari ini dengan menawarkan pelbagai jualan produk agro tani pada harga yang berpatutan. Ini merupakan pengajuran yang pertama pada tahun ini dan edisi ke-4 sejak diperkenalkan pada tahun 2017.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan negeri Perak, Dato' Abdul Yunus bin Jamhari di Dataran Alamanda Parit Buntar. Turut hadir Pengerusi FAMA, Ishak Ismail Ketua Pengarah FAMA, Dato' Zainal Abidin Yang Razalli, Tuan Mohd Sabli bin Bakri Pegawai Daerah Kerian dan En. Helmi bin Yusof @ Jusoh Yang Dipertua Majlis.

FAMA Fest 2020 @ Parit Buntar, Perak adalah anjuran FAMA buat kali pertama bagi membantu usahawan, petani dan pengeluar untuk memasarkan produk dalam membangunkan industri agromakanan negara. Lokasi tersebut dipilih kerana kedudukannya yang strategik di mana anjuran kali ini disertai oleh 86 usahawan dari 3 negeri iaitu Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

Program yang diadakan selama 3 hari ini telah mendapat sambutan yang amat baik dari orang ramai di anggarkan seramai 10,000 pengunjung telah hadir kerana program ini telah menawarkan harga yang jauh lebih rendah dari pasaran.



PROGRAM TURUN PADANG KAWASAN BANJIR DI BAGAN SERAI

1 Mei - Program Turun Padang YB Dato' Abdul Yunus bin Jamhari Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan dan YB Tuan Haji Razman bin Zakaria Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, NGO dan Masyarakat Sivil bersama Pegawai daerah Kerian, Jurutera JKR Daerah Kerian, Setiausaha Majlis dan ketua-ketua jabatan/agensi telah diadakan bagi meninjau kawasan banjir kilat di Taman Bagan Serai.



PROGRAM TURUN PADANG TAPAK PASAR HARI DI PASAR AWAM BAGAN SERAI

22 Jun - Program Turun Padang YB Dato' Abdul Yunus bin Jamhari Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan bersama ADUN Selinsing YB Encik Mohamad Noor bin Dawoo bagi meninjau SOP pembukaan pasar hari. Turut hadir sama Setiausaha Majlis Daerah Kerian, Puan Norhafisah Binti Haji Mohamad, Ahli Majlis, Pegawai Khas ADUN Semanggol dan ketua-ketua jabatan Majlis Daerah Kerian. YB juga sempat beramah mesra serta memberi penerangan kepada peniaga berkaitan SOP yang perlu dipatuhi sepanjang waktu PKP ini.



PELANTIKAN AHLI MAJLIS DAERAH KERIAN BAGI TEMPOH 1 MEI 2020 HINGGA 30 APRIL 2021



Majlis Penerimaan Pelantikan Jawatan Sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kerian bagi tempoh 1 Mei 2020 sehingga 30 April 2021 telah diadakan di Dewan Kerian Permai, Parit Buntar. YB Haji Razman bin Haji Zakaria Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, NGO dan Masyarakat Sivil , YB Dato Abdul Yunus Jamhari Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan , YB Dato Sham bin Mat Sahat ADUN Alor Pongsu dan YB Encik Mohamad Noor B. Dawoo, ADUN Selinsing telah hadir. Turut hadir dalam majlis ini, Supt. Omar Baktiar bin Yaacob dan Tuan Haji Mohd Sabli bin Bakri Pegawai Daerah Kerian.

Seramai 24 telah dilantik sebagai ahli majlis bagi tempoh 1 Mei 2020 sehingga 30 April 2021 . YDP dalam ucapannya telah menjelaskan peranan ahli majlis adalah sebahagian daripada komponen pentadbiran MDK dan tugas mereka bukan sekadar membawa permasalahan rakyat sahaja malah ahli majlis juga perlu mengutarakan cadangan-cadangan yang membina terutamanya dalam bidang penguatkuasaan yang menjadi salah satu cabaran utama dalam pelaksanaan kerja Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, YDP mengingatkan kepada ahli majlis supaya menjaga imej Majlis Daerah Kerian dan bersikap berhati-hati ketika menyatakan sesuatu keputusan atau mengulas apa-apa isu di laman sosial.

YDP turut merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak PDRM khususnya kepada Ketua Polis Daerah Kerian yang telah berganding bahu dalam penguatkuasaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac 2020.

YDP mewakili pengurusan tertinggi majlis mengucapkan tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada semua ahli majlis yang telah dilantik

MESYUARAT PUHU MAJLIS DAERAH KERIAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN



TURUN PADANG YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DI DAERAH KERIAN



26 Jun - YB Puan Hajah Zuraidah binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan program turun padang bersama YB Dato' Abdul Yunus bin Jamhari, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan Perak, ADUN Titi Serong, ADUN Alor Pongsu, ADUN Selinsing dan wakil-wakil daripada Parlimen. Hadir sama dalam program ini Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Tuan Helmi bin Yusof @ Jusoh, Pegawai Daerah Kerian, Ketua-ketua jabatan daerah Kerian dan Persekutuan, Setiausaha Majlis dan ahli majlis daerah Kerian. YB Menteri telah meninjau pelan perancangan pembinaan sebuah Arena Square di Dataran Kerian Permai untuk kemudahan orang awam.



TURUN PADANG KUARTERS LAMA JKR KUALA KURAU



26 Jun - Rentetan Program Turun Padang YB Puan Hajah Zuraidah binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ke daerah Kerian, YB Menteri di bawa ke kquarters lama milik JKR di Kuala Kurau bagi meninjau pelan perancangan pembinaan sebuah Dewan Orang Ramai untuk kemudahan orang awam di kawasan Kuala Kurau. YB Dato' Abdul Yunus bin Jamhari, merangkap ADUN Kuala Kurau memaklumkan keperluan pembinaan dewan orang ramai di kawasan itu amat penting kerana kawasan berkenaan masih belum mempunyai dewan orang ramai seperti di mukim yang lain.

EXECUTIVE TALK DAN AMANAT TAHUN BAHARU 2020 YAB MENTERI BESAR PERAK

21 Januari 2020 - Satu majlis Executive Talk dan Amanat Tahun Baharu 2020 YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu telah diadakan bertempat di Dewan Banquet, Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh. YAB Menteri Besar menekankan lima aspek yang perlu diberi fokus sepanjang tahun 2020. Kesemua lima fokus ini merupakan kunci kepada perancangan yang mampan untuk Rancangan Pembangunan Perak Darul Ridzuan 2021-2025 (RPP21-25). YAB Menteri Besar Perak meminta semua jabatan dan agensi masing-masing untuk memberi penekanan bagi mengkaji semula kaedah dalam merancang pelan pembangunan, penggunaan data raya sebagai asas dalam merancang sesuatu projek, memperkasakan sistem penyampaian melalui inisiatif digital bagi memastikan akses kepada rakyat dapat terus dipertingkatkan bagi memberi manfaatkan teknologi untuk terus mempermudahkan urusan rakyat.

YAB Dato' Seri Ahmad Faizal juga menyeru semua penjawat awam supaya mengamalkan prinsip take pride and take ownership dengan tanggungjawab yang telah diamanahkan serta menuntut komitmen semua pihak bagi menjayakan Perak Green Plan dalam usaha menangani perubahan iklim yang dialami masa kini. Di penghujung ucapannya, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu menyeru kepada semua pihak, para pemimpin dan penjawat awam agar mengenepikan segala perbezaan dalam usaha menjadikan negeri Perak Darul Ridzuan untuk terus gemilang



PROGRAM TURUN PADANG YB HASNUL ZULKARNAIN ABDUL MUNAIM

26 Jun - YB Hasnul Zulkarnain bin Abdul Munaim, ADUN Titi Serong telah menyertai program turun padang di Pasar Awam Parit Buntar bersama Setiausaha Majlis Daerah Kerian Puan Norhafisah binti Haji Mohamad, Ketua Jabatan Penguat kuasa dan Ketua Jabatan Pelesenan bagi memantau keadaan peniaga-peniaga dan melihat isu-isu yang dibangkitkan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



LAWATAN PENANDAARASAN

21 Julai - Lawatan penandaarasan oleh tiga jabatan utama di Majlis Daerah Kerian ke Majlis Daerah Tanjung Malim, Majlis Perbandaran Teluk Intan dan Eco Park City Selangor telah diadakan bagi melihat dan berkongsi maklumat berkaitan implementasi program Bandar Selamat, kaedah penangkapan anjing liar dan pembangunan daerah yang lebih baik.



LAWATAN KERJA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

21 Februari - MDK menerima kunjungan Encik Mohd Shah Ridla bin Mohd Ismet Penolong Pegawai Tabdir Kanan, Majlis Daerah Batu Gajah. Lawatan kerja ini adalah untuk melihat pengurusan Kaunter Bersepadu dan Perkhidmatan pelanggan Majlis Daerah Kerian. Penerangan berkaitan proses pengurusan kaunter bersepadu telah diberikan oleh Encik Azizul Nazli bin Hj. Abd Hadi.





KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAJLIS DAERAH KERIAN



KEJOHANAN BADMINTON DALAMAN MDK

Tarikh : 18 Januarii 2020

Tempat : Dewan Kerian Permai



KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERTUTUP MDK

Tarikh : 15 Februari 2020

Tempat : Dewan Kerian Permai



PERTANDINGAN BOLA JARING TERTUTUP MDKERIAN

Tarikh : 13 Mac 2020

Tempat : Dewan Kerian Permai



AMALKAN LANGKAH PENCEGAHAN UNTUK ELAKKAN JANGKITAN COVID-19




BASUH TANGAN
DENGAN BERSIH



CUCI GUNA SABUN
ATAU HAND SANITIZER
YANG DISEDIAKAN



JANGAN BERSALAMAN
BAGI MENGELAK
JANGKITAN



AMALKAN PERJARAKAN
1 METER

BANTULAH MALAYSIA PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



MAJLIS DAERAH KERIAN

NO. 1, WISMA MDK, JALAN PADANG,
34200 PARIT BUNTAR, PERAK

TEL : 05 - 716 1228

FAKS : 05 - 716 9268

EMEL : PENTADBIRAN@MDKERIAN.GOV.MY